

METODOLOGI PENDALILAN MENURUT MAZHAB SYAFI'I

Khairul Azmi bin Ismail

(B. A. HonS Usuluddin Al Azhar)

PENDAHULUAN.

Alhamdulillah. Selawat dan salam ke atas Rasulillah ﷺ, para sahabat, tabi'in dan semua pengikutnya sehingga hari kiamat.

Mutakhir ini, masyarakat sering mempersoalkan tentang dalil sesuatu hukum, sedangkan kebanyakan mereka belum lagi didedahkan berkenaan apakah yang dimaksudkan dengan dalil, apatah lagi metodologi pendalilannya. Di dalam kertas kerja yang ringkas ini saya cuba mengetengahkan sedikit perbincangan agar dapat menjelaskan sedikit kefahaman berkaitan dengannya.

BAB SATU: DALIL-DALIL YANG MENJADI HUJAH DI DALAM MAZHAB SYAFI'I.¹

1. AL QURAN القرآن
2. ASSUNNAH السنة
3. AL IJMA' الاجماع (kesepakatan ulama)
4. AL QIAS القياس (persamaan hukum yang tidak ada di dalam nas dengan hukum yang ada di dalam nas disebabkan 'illah' yang sama)
5. AL ISTISHAB الاستصحاب
Iaitu mengekalkan hukum yang sedia ada. Contohnya seseorang dikira masih berwudhuk selagi tidak berhadass.

¹ Al Bugha, Athar Al Adillah Al Mukhtalaf fiha, m. s. 19

6. AL AKHZ BI AQALL MA QIIL. الأخذ بأقل ما قيل

Iaitu apabila adanya beberapa pandangan di dalam sesuatu masalah, dan tiada dalil yang lain yang *mentarjihkan* (menguatkan hujah) salah satu darinya. Kesemua pandangan tersebut bersetuju dengan kadar-kadar yang tertentu tetapi tidak pada yang selebihnya, maka diambil kira kadar yang paling sedikit.

Contohnya ialah diyat bagi seorang kafir zimmi yang dibunuh. Ada pandangan yang menyamakannya dengan *diyat* (denda) seorang muslim yang dibunuh, ada pandangan yang mengatakan *diyatnya* separuh dari diyat seorang muslim dan ada pandangan yang menyatakan diyatnya hanya sepertiga dari *diyat* seorang muslim. Dalam isu ini Mazhab Syafi'i memilih *diyatnya* ialah satu pertiga dari *diyat* seorang muslim.

7. AL ISTIQRA' الاستقراء

Istiqra' ialah penyelidikan yang terperinci. Contohnya tempoh minima darah haid mengikut kajian Imam Syafi'i sendiri adalah sehari semalam dan maksimumnya ialah lima belas (15) hari beserta malamnya.

Di sana ada dalil-dalil yang dijadikan hujah oleh mazhab-mazhab yang tetapi ia tidak menjadi hujah yg bersendirian bagi Mazhab Syafi'i. Ini seperti Masalih Mursalah, Istihsan, 'Urf, Qaul ṣaḥābi, Ijma' Ahli Madinah, syari'at umat terdahulu dan Sad Azzaraie'.

BAB DUA: METODOLOGI PENDALILAN DI DALAM MAZHAB SYAFEI.

1. PEMAHAMAN DARI KEPELBAGAIAN ‘LAFAZ’ (TEKS)²

1) *Hakikat* (حقيقة) dan *majaz* (مجاز)

Hakikat ialah lafaz yang digunakan dengan maksud sebenarnya. Ini seperti perkataan ‘al yad’ (اليَد) apabila digunakan dengan erti ‘tangan’ yang merupakan salah satu anggota badan manusia. Contohnya seperti ayat فاقطعوا أيديهما yang memerintahkan supaya dipotong ‘yad’ bagi pencuri.

Majaz pula ialah lafaz yang digunakan bukan dengan maksud yang sebenarnya, tetapi mempunyai kaitan dengannya. Ini seperti perkataan ‘al yad’ (اليَد) apabila ia diertikan dengan maksud yang lain.

Contohnya firman Allah:

ولا تجعل يديك مغلولة الى عنقك ولا تبسطها كل البسط

"Jangan kamu meletakkan tanganmu terbelenggu ke tengkukmu dan janganlah pula kamu melepaskannya sebebaskan-bebasnya"
Ayat ini melarang seseorang meletakkan ‘yad’nya ke tengkuk dan jangan pula membukakan seluas-luasnya. Ia bermaksud janganlah kamu kedekut dan membazir.

² Al buthi, Mabahith Al Kitab Wa Assunnah, 55

Asas penggunaan sesuatu perkataan adalah berdasarkan hakikat (makna yang sebenar), samada hakikat di sudut bahasa, syara' dan urf (adat). Asas ini tidak berubah selagi tiada *qarinah* (faktor) yang mendorong ianya diubah kepada makna majaz.

2) Musytarak (المشترك)

Musytarak ialah perkataan yang mempunyai maksud lebih dari satu. Ini seperti perkataan 'al qar' (القرء). Menurut bahasa arab ia mempunyai dua maksud yang berlawanan iaitu suci dan haid.

Kaedah di dalam memahami perkataan musytarak ini ialah dengan melihat kepada faktor-faktor luaran yang menyokong salah satu dari maknanya (*qarinah*). Ulama Mazhab Syafi'i menyatakan bahawa di antara *qarinah* yang menunjukkan ianya bermaksud suci ialah di *ta'nithkan isim adad* عدد iaitu ثلاثة bagi menunjukkan bahawa perkara yang dibilangkan itu adalah *muzakkar*. Lafaz *muzakkar* di sini ialah الطهر (suci) bukannya الحيضة (haid)

3) Mantuq (المنطوق) dan mafhum (المفهوم)³

Mantuq ialah setiap apa yang disebut di dalam lafaz (teks) yang diucapkan.

Ini seperti larangan 'makan' harta anak yatim yg disebut di dalam ayat al-quran yang bermaksud: "Sesungguhnya mereka-mereka yang 'makan' harta anak-anak yatim secara zalim, sesungguhnya mereka dikira menyuapkan api ke mulutnya"

³ Al Buthi, Dr Said Ramadhan, Mabahith alkitab wa assunnah, ms 76

Difahami berdasarkan mantuq ayat ini bahawa larangan ‘makan’ harta anak yatim.

Mafhum pula ialah setiap maksud yang difahami dari teks walaupun tidak disebut perkataannya. Seperti ayat di atas tadi ia difahami berdasarkan mafhumnya bahawa larangan tersebut bukan hanya dikhususkan hanya kepada ‘makan’ tetapi ia juga merangkumi pengharaman merosakan atau membakar harta anak yatim dan seumpamanya.

BAHAGIAN-BAHAGIAN *MAFHUM*.

Mafhum terbahagi kepada dua bahagian:

a) *Mafhum muwafaqah* (مفهوم الموافقة)

Persamaan hukum sesuatu yang tidak disebut di dalam teks dengan yang disebut. Ini seperti contoh di atas.

Ia terbahagi kepada dua bahagian:

1. *Fahwa al khitab* (فحوى الخطاب). Iaitu mafhum yang lebih utama dari mantuq. Ini seperti larangan memukul ibu bapa yg difahami melalui mafhum ayat yg melarang seseorang mengherdik ibu bapa dengan perkataan ‘uf’ yang disebut oleh mantuq ayat Quran.
2. *Lahn al khitab* (لحن الخطاب). Iaitu mafhum yang sama dengan mantuq. Ini seperti ayat yang melarang berjual beli

ketika azan solat jumaat, dapat difahami secara mafhumnya bahawa larangan tersebut termasuk segala urusan-urusan yang lain.

b) *Mafhum mukhalafah* (مفهوم المخالفة).

Sesuatu yang difahami sebaliknya. Ini seperti ayat di atas dengan kaedah *mahfum mukhalafah* menunjukkan bahawa tidak salah bagi mereka yang menggunakan harta anak yatim dengan cara yang betul (tidak zalim).

2. PEMAHAMAN TEKS DARI SUDUT KEJELASAN DAN KESAMARANNYA.⁴

Ada tiga tahap:

1) *An Nas* (النص) iaitu sesuatu teks yang sangat jelas maksudnya dan tidak boleh diandaikan sebarang takwilan.

Contohnya seperti ayat *قل هو الله احد* yang secara jelas menunjukkan tentang keesaan Allah.

2) *Al-zhahir* (الظاهر) iaitu sesuatu teks yang mempunyai maksud yang jelas tetapi masih boleh diandaikan maksud yang lain dengan pentakwilan. Contohnya seperti hadis:⁵

لا صيام لمن لم يبيت الصيام من الليل

“Tiada puasa bagi mereka yang tidak berniat di waktu malam”

⁴ Al Buthi, *Mabahith Al Kitab Wa Assunnah* 94

⁵ Riwayat Attirmizi, Abu Dawud Nasaie dan Ibn Majah dengan lafaz yg berbeza2.

Secara zahirnya hadis ini menunjukkan bahawa berniat di waktu malam adalah syarat sah bagi puasa, tetapi masih boleh ditakwilkan dengan maksud ia hanya syarat kesempurnaan puasa sahaja.

- 3) Al Mujmal (المجمل) iaitu sesuatu teks yang memerlukan qarinah atau keterangan yang lain untuk memahaminya.

Contohnya seperti ayat:

وَأْتُوا حَقَّهُ يَوْمَ حَصَادِهِ

“Keluarkanlah haknya (zakat) sewaktu menuainya”

Walaupun zakat tanaman diwajibkan melalui ayat ini tetapi tidak diketahui kadar dan jenisnya.

3. PEMAHAMAN TEKS DARI SUDUT PERKhabARAN ATAU PENGARAHAN.⁶

Ia terbahagi kepada dua bahagian:

- 1) Khabar (الخبر) iaitu teks perkhawaran.

Teks-teks perkhawaran yang berkaitan dengan hukum hakam dari Al quran dan sunnah ia mengandungi hukum ‘al wad’ie’ الوضعي seperti sah, batal dan lain-lain.

- 2) Insya’ (الإنشاء) iaitu teks pengarahan.

Teks pengarahan pula mengandungi hukum-hukum ‘taklifi’ تكليفي .

⁶ Al Buthi, Mabahith Al Kitab Waassunnah, 105

Perbincangannya tertumpu kepada dua bahagian iaitu ‘al amr’ الامر dan ‘an nahyu’ النهي. Al amru adalah perintah dan annahyu adalah larangan.

Di antara kaedah berkaitan dengan al amru dan annahyu.

- Imam Haramain Al Juwaini menyatakan bahawa Mazhab Syafi'i berpandangan bahawa hakikat al amru (perintah) adalah arahan yang wajib. Kecuali adanya qarinah yang mengubahnya.
- An Nahyu (larangan) pula menunjukkan hukumnya adalah haram kecuali ada qarinah yang mengubahnya.
- Sesuatu larangan tidaklah menunjukkan batalnya perkara tersebut, tetapi ia hanya menunjukkan pengharamannya sahaja. Seperti larangan berjual beli ketika azan hari jumaat. Hukumnya haram tetapi jualannya masih dikira sah.

4. PEMAHAMAN TEKS DARI SUDUT KESYUMULAN ATAU PENGKHUSUSAN.

1) Mutlaq المطلق dan muqayyad ⁷ المقيد

Mutlaq **ialah** perkataan yang menunjukkan kepada sesuatu perkara atau beberapa perkara secara menyeluruh dan tidak disertakan dengan mana-mana sifat. Muqayyad pula adalah sebaliknya iaitu yang disertakan dengan mana-mana sifat.

⁷ Al Khin, Dr Mustafa, Athar al Ikhtilaf fi AlQawaid Al Usuliyah ms 246. Hasan Ahmad, Usul Feqh, ms 367.

Contoh mutlaq seperti firman Allah berkaitan kaffarah zihar;

فتحرير رقبة من قبل ان يتماسا

“Hendaklah memerdekakan hamba sebelum keduanya (suami isteri) bersetubuh”

Perkataan ‘hamba’ di dalam ayat ini dinamakan mutlaq kerana tanpa menyebut sifat-sifatnya samada mukmin atau kafir.

Contoh muqayyad pula seperti firman Allah berkaitan dengan kaffarah pembunuhan yang tidak sengaja:

ومن قتل مؤمنا خطأ فتحرير رقبة مؤمنة

“Sesiapa yang membunuh seorang mukmin dengan tidak sengaja, maka hendaklah dia memerdekakan hamba yang beriman”

Perkataan ‘hamba’ di dalam ayat ini pula disertai dengan sifat beriman.

Di antara **kaedah berkaitan** mutlaq dan muqayyad:

- Apabila nas disebut secara mutlaq hendaklah ditafsirkan secara mutlaq iaitu tidak dikaitkan dengan mana-mana sifat kecuali ada dalil yang mengaitkannya.⁸

2) ‘aam’ العام (umum) dan ‘khas’ الخاص (khusus)⁹

‘Aam’ adalah lafaz yang diperuntukkan bagi menunjukkan beberapa perkara yang banyak tanpa batasan meliputi ke semua maknanya.

⁸ Az Zuhaili, Dr Wahbah, Usul Feqh Islami j1 ms208

⁹ Hasan Ahmad, usul feqh ms426. Khallaf, abd Wahhab, Ilm Usul Feqh ms181.

‘Khas’ pula adalah sebaliknya.

Contoh ‘aam’ seperti ayat;

والسارق والسارقة فاقطعوا ايديهما

“Pencuri lelaki dan pencuri perempuan hendaklah dipotong tangan keduanya”

Perkataan ‘assariq’ dan ‘assariqah’ itu menunjukkan umum kepada semua pencuri.

Beberapa kaedah berkaitan ‘aam’ dan ‘khas’:

- Setiap lafaz yang menunjukkan ‘aam’ ia dihukum secara umum kecuali adanya dalil-dalil yg lain yang mengkhususkannya. Contohnya seperti ayat di atas yang memerintahkan supaya dipotong tangan terhadap semua pencuri, ia di’khususkan’ bagi mereka yang mencuri barang yang telah mencukupi nisab dan sebagainya seperti yang dinyatakan di dalam hadis.¹⁰

PENUTUP

Inilah sebahagian perbincangan berkaitan metodologi pendalilan mengikut Mazhab Imam Syafi’i. Saya yakin kertas kerja ini tidaklah memadai untuk kita mengeluarkan hukum terus dari nas-nas Al Quran dan Sunnah, tetapi sekadar untuk memahami sebahagian metodologi ahli-ahli fiqh di dalam mengeluarkan sesuatu hukum.

¹⁰ As Syafei Muhammad bin Idris, Ar Risaalah ms 160.

RUJUKAN.

1. Al Quran Al Karim
2. As Syafi'i, Muhammad bin Idris. Ar Risaalah. Tahqiq, Syeikh Ahmad Syakir. Pustaka Ad Dar Al Aalamiyah li an Nasyr Wa At Tauzi' Mesir.
3. AzZuhaily, Dr Wahbah Mustafa. Usul Al Feqh Al Islami, Pustaka Darul Fikr Syria.
4. Al Khin, Dr Mustafa Said. Athar Al Ikhtilaf fi Al Qawaid Al Usuliyah. Pustaka muassasah Ar risaalah Lubnan.
5. Al Bugha, Dr Mustafa. Athar Al Adillah Al Mukhtalaf Fiiha. Pustaka Dar Al Qalam Syria.
6. Al Buthi, Dr Muhhammad Said Ramadhan. Mabahith Al Kitab Wa assunnah. Cetakan Universiti Damsyiq
7. Hasan Ahmad, Usul Feqh. Pustaka Haji Abdul Majid Selangor